

Hutang 1MDB RM50b ditanggung kerajaan sejak 2018

Kerajaan MADANI komited kurang defisit fiskal bagi pastikan dana pembangunan kekal mencukupi

Oleh Fahmy A Rosli dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hutang terbesar diwarisi pada masa ini ialah 1Malaysia Development Berhad (1MDB), iaitu hampir RM50 bilion sejak 2018.

Perdana Menteri berkata, jumlah hutang yang perlu ditanggung itu termasuk membabitkan komitmen faedah.

"Hutang terbesar masih 1MDB yang diwarisi sejak 2018. Keseluruhan RM34 bilion termasuk komitmen faedah (bernilai) RM17 bilion. Jadi, jumlah hutang 1MDB mencecah hampir RM50 bilion," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Syahredzan Johan (PH-Bangi) mengenai jumlah terkini hutang negara dan strategi pembayaran hutang oleh kerajaan bagi menjamin hutang negara serta defisit fiskal terus berada pada trajektori menurun.

Setakat ini, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sudah melangsaikan hutang 1MDB sebanyak RM42 bilion termasuk prinsipal dan faedah.

"Alhamdulillah, kerana kita juga dapat pulangan balik sebanyak RM29 bilion kerana usaha semua jabatan, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

"Masih terdapat baki yang harus kita sempurnakan," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Kerajaan MADANI komited untuk mengurangkan defisit fiskal negara secara berperingkat bagi memastikan peruntukan pembangunan kekal mencukupi untuk rakyat.

Walaupun terdapat desakan supaya kerajaan mengurangkan defisit secara lebih agresif menggunakan penjimatan subsidi, beliau berkata pendekatan semasa adalah lebih seimbang demi me-



Anwar pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

nyokong pertumbuhan ekonomi dalam mendepani ketidaktentuan global.

Untuk itu, beliau menyarankan kerajaan negeri meneladani pendekatan Belanjawan 2026 Kerajaan Persekutuan yang memilih untuk tidak memperkenalkan cukai baharu, sebaliknya menumpukan kepada pembaikan tatakelola dan pematuhan cukai.

"Sebarang keputusan kewangan di peringkat negeri perlu dibuat dengan berhati-hati supaya tidak membebankan rakyat, termasuk cadangan menaikkan cukai tanah pada kadar terlalu tinggi seperti yang dibangkitkan dalam Majlis Tanah Negara (MTN) baru-baru ini," katanya.

Tak ikut nasihat Bank Dunia

Beliau berkata, kerajaan turut memutuskan untuk tidak menuruti nasihat Bank Dunia yang menyarankan harga petrol RON95 dinaikkan ke harga pasaran untuk semua pengguna.

Sebaliknya, beliau berkata, kerajaan kekal dengan pendirian untuk melaksanakan penyusunan subsidi.

"Pendekatan Bank Dunia yang hanya mencadangkan bantuan tunai kepada golongan tertentu secara teorinya mengabaikan nasib berjuta rakyat dan berisiko meningkatkan inflasi," katanya.

Beliau juga berkata, hutang negara diselesaikan secara berperingkat dan mengikut tempoh yang ditetapkan untuk memastikan pembangunan negara tidak terjejas.

Beliau berkata, kerajaan mengambil keputusan untuk menurunkan jumlah hutang baharu

secara berperingkat selepas mengambil kira aspek pembangunan negara.

"Kita boleh menurunkan (hutang) dengan kadar segera, tetapi bebannya adalah kepada rakyat. Itu (penurunan hutang) satu keputusan yang perlu diambil.

"Oleh sebab itu, hutang baharu daripada RM100 bilion, kita turunkan kepada RM70-RM75 bilion," katanya.

Terdahulu, Anwar berkata, pinjaman baharu kerajaan berkurangan kepada kira-kira RM100 bilion (2021), RM99 bilion (2022), RM92 bilion (2023) dan RM77 bilion (2024).

Beliau menegaskan penurunan kadar hutang negara mencerminkan kemampuan kerajaan untuk meneruskan projek asas yang wajib dilaksanakan seperti tebatan banjir, prasarana asas, pendidikan, kesihatan dan lain-lain.

"Saya tidak fikir perkara ini harus mengelirukan kerana apabila ada unjuran defisit kita berkurangan, ini bermakna tanggungan hutang itu juga akan berkurangan," kata beliau.

Anwar turut menjelaskan bahawa kerajaan membayar hutang tersebut mengikut kewajipan pada masa yang ditetapkan.

"Kalau keadaan ini dapat diteruskan secara konsisten oleh kerajaan, hutang kita akan menurun mulai akhir 2028-2029 berdasarkan unjuran kita. Oleh itu, langkah penurunan defisit mesti disegerakan," kata beliau.

Pada masa sama, Perdana Menteri membidas pihak yang memutarbelit statistik berkaitan hutang hingga menimbulkan salah faham.